

Parlimen: Kementerian Pengangkutan Disaran Guna Kaedah Canggih Kawal Had Laju Bas, Lori
Bernama
19 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan disaran supaya menggunakan teknologi terkini yang boleh mengawal secara automatik kelajuan kenderaan khususnya bas ekspres dan lori muatan tinggi daripada pusat-pusat kawalan yang diwujudkan.

Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu) berkata penggunaan teknologi canggih perlu sebagai langkah mengurangkan insiden kemalangan jiwa yang semakin meningkat di negara ini.

Beliau berkata penggunaan teknologi canggih dan moden seperti Sistem Penentuan Global (GPS) dan Kawalan Penyeliaan dan Perolehan Data (SCADA) wajar diberi perhatian berikutan kemalangan maut yang berlaku hampir setiap hari.

Perisian SCADA yang menggunakan teknologi terkini boleh membantu meminimumkan kemalangan manakala GPS, selain boleh mengesan kedudukan bas persiaran dan ekspres, juga berguna untuk memantau kelajuan kenderaan berkenaan.

"Saya sarankan Kementerian Pengangkutan untuk menggunakan apa sahaja sistem termasuk SCADA yang boleh mengawal kelajuan bas dari jauh secara automatik oleh pusat-pusat kawalan yang ada di ibu negara atau bandar-bandar besar," katanya ketika membahaskan usul Menjunjung Titah Diraja pada persidangan Dewan Rakyat pada Isnin.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653257>